

# Rebut peluang gandakan amalan malam 7 likur

Sempena malam 10 terakhir Ramadan, selain solat tarawih dan witr, umat Islam dianjurkan bangun malam melakukan solat sunat tasbeih, tahajud, membaca al-Quran dan berdoa memohon keampunan-NYA.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR

UMAT Islam disunatkan menghidupkan 10 malam terakhir pada bulan Ramadan bagi merebut peluang menggandakan segala amalan kebaikan dan meraih pahala yang dijanjikan ALLAH SWT.

Ketua Eksekutif Kolej Islam As Sofa, Ustaz Dr. Mohd Sufi Ibrahim al-Hafiz berkata, 10 malam terakhir Ramadan merupakan tempoh pemburuan lailatulqadar kerana amalan yang dilakukan pada malam tersebut adalah lebih baik daripada seribu bulan.

"Malah, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA yang bermaksud: 'Nabi SAW apabila masuknya 10 hari terakhir Ramadan, Baginda akan mengetatkan kainnya, menghidupkan malam tersebut dan mengejutkan ahli kelu-

arganya (untuk turut menghidupkan malam).'

"Hadis Riwayat Bukhari ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW akan bersungguh-sungguh dalam melakukan ibadah pada malam-malam terakhir Ramadan. Antara amalan lain yang boleh dilakukan umat Islam ialah istiqamah melaksanakan solat sunat tarawih dan witr secara berjemaah supaya beroleh pahala qiam semalaman berdasarkan hadis Riwayat Tirmizi.

"Selain itu, kita juga digalakkan menghadiri majlis-majlis ilmu, tadarus al-Quran dan majlis yang boleh mendekatkan diri kepada Tuhan. Bangun malam dengan melakukan solat sunat tasbeih, tahajud, membaca al-Quran, berzikir, berselawat dan berdoa memohon keampunan daripada Allah. Tidak ketinggalan, perbanyakkan sedekah kerana sebaik-baik sedekah adalah sedekah pada bulan Ramadan," jelas Mohd Sufi kepada Majoriti 7.

## Istiqamah

Berkongsi tip dalam menghidupkan malam-malam terakhir Ramadan, Mohd. Sufi memberitahu, umat Islam boleh mencari masjid atau surau yang diimarahkan dengan aktiviti qiamul-lail agar mereka beroleh kekuatan dan panduan untuk melaksanakan ibadah tersebut berbanding mengerjakannya secara sendiri di rumah.

"Apa yang penting, perlu istiqamah. Persediaan awal bukan tertumpu pada 10 malam terakhir Ramadan, kerana 10 akhir Ramadan adalah usaha yang dilipat gandakan. Walau bagaimanapun bagi yang baru memulakan langkah, buatlah mengikut kemampuan walaupun sedikit tetapi berterusan.

"Jangan tinggalkan solat tarawih, berkemungkinan amalan yang juga akan luput dengan kesibukan dunia, paling tidak kita sudah mendapat ganjaran qiam semalaman.

Bersedekahlah walaupun seringgit kerana ia adalah seringgit-ringgit amalan tetapi besar ganjarannya di sisi Tuhan," ungkap beliau.

Tambah Mohd Sufi, bagi wanita yang mungkin dalam haid atau nifas, jangan berasa rugi atau sedih kerana banyak amalan dan ibadah boleh dilakukan selain menunaikan solat dan membaca al-Quran.


"Teruskan berdoa, berzikir dan berselawat serta bersedekah. Malah,



Bangun malam dengan membaca al-Quran antara amalan yang digalakkan.



Sebaik-baik sedekah adalah sedekah pada bulan Ramadan.



tanggungjawab wanita yang bergelar ibu seperti menyediakan makanan sahur dan membuka untuk keluarga juga mengundang pahala berganda-ganda buat mereka," ujarnya.

## Budaya

Sementara itu, menurut Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir, likur adalah bilangan antara 20 hingga 30. Jadi, istilah 7 likur dalam budaya Melayu pada bulan Ramadan ialah pada malam 27 Ramadan.

"Dalam Islam, 10 malam terakhir ialah malam yang diharap Lailatulqadar. Oleh itu, wujud perkaitan antara budaya Melayu dengan ajaran Islam iaitu membakar semangat untuk kekal beribadah khususnya pada 10 malam terakhir dan lebih-lebih lagi pada malam 27 Ramadan.

"Amalan malam 7 likur adalah adaptasi kepada menghidupkan 10 malam terakhir bulan Ramadan. Biasanya, zaman dahulu tiada lampu

jalan, suasana gelap. Namun, segelintir umat Islam beriktikaf di masjid sehingga tengah malam. Maka bagi mencerahkan jalan gelap, memudahkan orang berjalan malam balik ke rumah dan memeriahkan 10 malam terakhir, amalan ini diamalkan," jelas Mohammad Nidzam.

Seiring peredaran waktu, beliau berkata, budaya masyarakat terhadap amalan 7 likur akan mengalami perubahan.

"Kemungkinan tiada lagi keperluan untuk pemasangan lampu kerana lampu jalan sangat banyak. Bagaimanapun, konsep asal untuk memeriahkan 10 malam akhir Ramadan perlu disemarak dan dikekalkan.

"Tidak mengapa jika lampu pelita ditukar dengan lampu moden. Apa yang penting, budaya iktikaf di masjid atau surau pada 10 malam terakhir Ramadan digiatkan. Ini tujuan asal. Selain itu, budaya bertukar-tukar makanan atau bersedekah makanan perlu dihidupkan," tuturnya mengakhiri bicara.



Istiqamah mendirikan solat sunat tawarikh dan witr secara berjemaah antara amalan yang diganjar pahala qiam.



Kemungkinan tiada lagi keperluan untuk pemasangan lampu kerana lampu jalan sangat banyak. Bagaimanapun, konsep asal untuk memeriahkan 10 malam akhir Ramadan perlu disemarak dan dikekalkan."

Mohammad Nidzam